



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA**

---

**Isnin, 27 April 2020  
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**TAJUK : DAPATKAN KEBENARAN PDRM UNTUK RENTAS NEGERI**

---

Kementerian Pengangkutan Malaysia mengambil maklum mengenai pergerakan orang ramai dalam menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini termasuk perjalanan rentas negeri apabila syarikat-syarikat penerbangan kembali membuka operasi mereka untuk penerbangan domestik.

Namun yang demikian, Kementerian Pengangkutan ingin mengingatkan bahawa orang ramai perlu mendapatkan kebenaran atau permit perjalanan khususnya bagi tujuan rentas negeri daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Justeru itu, orang ramai dinasihatkan supaya mendapatkan kebenaran PDRM di balai polis berdekatan terlebih dahulu sebelum membeli tiket-tiket perjalanan bagi mengelakkan berlakunya kerugian yang terpaksa ditanggung sendiri oleh pengguna pengangkutan awam.

Dalam masa sama, sebagaimana kenyataan media PDRM bertarikh 26 April 2020, orang ramai dinasihatkan supaya memberikan kerjasama dengan hanya memohon untuk mendapatkan permit pergerakan rentas negeri atas sebab-sebab yang sah sepertimana ditetapkan.

Orang ramai khususnya pengguna pengangkutan awam disarankan supaya sentiasa mematuhi garis panduan pencegahan wabak COVID-19

yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terutamanya penjarakan sosial, memakai topeng muka ketika di dalam pesawat serta sentiasa menjaga keselamatan dan kebersihan diri.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**27 APRIL 2020**

**- TAMAT -**